

# **PEMBENTUKAN NILAI-NILAI MURNI MASYARAKAT ORANG ASLI KELANTAN MELALUI KONSEP TARIAN SEWANG**

**Nik Haslinda Nik Hussain**  
**Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan**  
**Universiti Sains Malaysia**  
**nlinda@usm.my**

## **ABSTRAK**

Masyarakat Pribumi atau lebih dikenali sebagai orang asli adalah merupakan masyarakat yang mempunyai susur galur hubungan dengan zaman Mesolitik dan Paleolitik. Mereka yang mempunyai status penduduk terawal dan telah mencorakkan negara kita. Mereka berjaya membina masyarakat yang harmoni dan sejahtera hasil daripada konsep pengukuhan jati diri melalui sistem kepercayaan terhadap kuasa-kuasa ghaib. Oleh itu tulisan ini akan melihat apakah nilai-nilai murni yang telah dijelmakan melalui pegangan kepada konsep ini. Masyarakat Orang Asli memang kaya dengan adat resam dan budaya kerana lingkungan hidup mereka yang masih berkait rapat dengan alam semulajadi walaupun sudah, memasuki dunia moden. Adat dan kepercayaan mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan makhluk-makhluk ghaib di alam semesta ini. Ketika menyambut hari-hari kebesaran masyarakat mereka, amalan mengubat penyakit tetap dibuat secara tradisi yang melibatkan jampi serapah diiringi dengan tarian tertentu. Oleh yang demikian, jika diteliti kebanyakannya bentuk tarian dan nyanyian mereka bukan sekadar hiburan, malah peranannya lebih jauh dari itu. Nyanyian dan tarian digunakan sebagai perantara untuk mengubat penyakit, menghalau hantu serta mengawal keselamatan kampung daripada diganggu makhluk lain. Tarian Sewang merupakan satu amalan yang mempunyai makna yang popular bagi masyarakat semai yang bertujuan antara lainnya sebagai cara penyembahan kepada makhluk ghaib.

**Kata kunci:** Orang Asli, Jati Diri, Sewang, alam semulajadi, dan Kepercayaan.

## **PENGENALAN**

Kajian awal terhadap masyarakat orang Asli banyak tertumpu kepada soal ekonomi dan sosial masyarakat tersebut. Misalnya Iskandar Carey (1976) dalam bukunya '*The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*' telah mengkaji tentang sistem ekonomi, keagamaan dan sistem sosial suku kaum orang Asli terbesar di negara ini iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Kajian yang hampir sama juga telah dilakukan oleh Hood Salleh (1986) yang tertumpu kepada mitos kejadian alam, asal-usul manusia dan larangan kahwin sumbang di kalangan masyarakat Negrito di Kelantan, Perak dan Pahang serta masyarakat Semelai di Pahang. Selain itu terdapat kajian oleh Mohd. Rizal Yaacob (1994) tentang tarian sewang suku kaum Semai dan melihatnya dari pelbagai aspek seperti corak persembahan, fungsi dan alat muzik yang digunakan. Sementara, Bazrul Bahaman (1999) dalam tesis sarjananya telah mengkaji aspek persembahan dan pencerita dalam Nyanyi Panjang Orang Sakai di Riau. Kajian dari aspek

bahasa juga telah dibuat oleh Subandi Kasidan (1999) yang mengkaji tentang pembentukan kata dalam seni kata lagu-lagu bahasa Iban di Sarawak. Manakala Sal Farina Kamaluddin (2003) telah mengkaji tradisi lisan berbentuk cerita suku kaum Jahut di Kampung Penderas Temerloh, Pahang. Berdasarkan kajian-kajian tersebut, didapati pelbagai kajian yang telah dilakukan oleh sarjana terutama sarjana Antropologi dan Sosiologi. Pengkaji mendapatkan bahawa rata-rata kajian lepas banyak berkisar tentang aspek budaya, kesenian, kepercayaan dan bahasa, namun masih kurang kajian berbentuk sakral atau amalan suci yang menjadi amalan masyarakat orang asli. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuknilai-nilai murni masyarakat orang asli kelantan melalui konsep tarian sewang. Tarian Sewang Tarian sewang atau dipanggil jenulang (dalam bahasa suku kaum Semai) adalah salah satu tarian tradisional orang Asli terutamanya bagi kaum Semai dan Temiar.

Upacara sewang merupakan satu upacara berbentuk ritual yang bertujuan samaada untuk mengubati penyakit ataupun bagi meraikan roh nenek moyang yang diamalkan oleh masyarakat orang asli di Semenanjung Malaysia. Sewang ada pelbagai jenis bergantung kepada tujuan ia dilakukan dan juga berbeza mengikut setiap komuniti orang asli yang berlainan. Orang asli di Semenanjung terbahagi kepada Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Kita sedia maklum bahawa masyarakat asli adalah leluhur sebenar bangsa Melayu terutama dari kelompok Melayu proto seperti Jakun, Temuan dan Semelai. Masyarakat Melayu proto juga turut mengamalkan upacara sewang.

Masyarakat Orang Asli memang kaya dengan adat resam dan budaya kerana lingkungan hidup mereka yang masih berkait rapat dengan alam semula jadi walaupun sudah, memasuki dunia moden. Adat dan kepercayaan mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan makhluk-makhluk ghaib di alam semesta ini. Ketika menyambut hari-hari kebesaran masyarakat mereka, amalan mengubati penyakit tetap dibuat secara tradisi yang melibatkan jampi serapah diiringi dengan tarian tertentu. Oleh yang demikian, jika diteliti kebanyakan bentuk tarian dan nyanyian mereka bukan sekadar hiburan, malah peranannya lebih jauh dari itu. Nyanyian dan tarian digunakan sebagai perantara untuk mengubati penyakit, menghalau hantu serta mengawal keselamatan kampung daripada diganggu makhluk lain. *Tarian Lilin* yang popular di kalangan suku Temuan, Jah Hut dan Che Wong di daerah Raub misalnya, mempunyai makna tersendiri ketika dimainkan pada hari keramaian majlis perkahwinan dan selepas menuai padi. Mereka menganggap kekuatan lilin yang terlekat pada piring mampu menjadi asas kukuh walaupun tapaknya tidak besar di samping berupaya menerangi orang lain, begitu juga dengan tarian *Sewang* yang popular bagi masyarakat semai yang bertujuan antara lainnya sebagai cara penyembahan kepada makhluk ghaib. Dalam membicarakan

tentang adat resam dan budaya Orang Asli yang unik, yang berkait rapat dengan makhluk-makhluk alam, saya memfokuskan perbincangan ini kepada kumpulan masyarakat Orang Asli yang terbesar di Malaysia iaitu masyarakat Orang Asli Semai dari kumpulan Senoi.

Orang Semai adalah berasal dari kelompok Senoi. Kaum Semai terbentuk dari suku Hoabinhian dan Neolitik. Suku kaum Semai tinggal bertaburan di kawasan Banjaran Titiwangsa, meliputi Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat. Bancian pada tahun 1993 menunjukkan jumlah mereka telah meningkat lebih daripada 42 000 orang dan merupakan suku kaum Orang Asli yang terbesar jumlahnya. Secara amnya, mereka boleh ditemui di seluruh Semenanjung dan sempadan Malaysia / Utara Thailand hingga ke Selat Johor di selatan. Secara tradisi, masyarakat Semai menjalankan pertanian pindah (swidden farms) Mereka tinggal menetap di sesuatu tempat, tetapi yang berpindah ialah kawasan pertanian.

Pandang Dunia atau Pandang Semesta atau *World View* masyarakat orang asli yang merujuk kepada set kepercayaan yang menjadi falsafah kehidupan sesebuah kelompok atau masyarakat manusia. Ia akan mencirikan sifat-sifat kelompok dan cara kelompok tersebut bertindak. Masyarakat peribumi mempunyai falsafah kehidupan mereka sendiri seperti yang terungkap dalam sistem mitos, adat-istiadat, sistem kepercayaan, sistem kosmologi, pantang larang dan sebagainya. Semua ini mencirikan sikap dan watak mereka serta mengatur cara mereka bertindak dan berhubung dengan alam dan manusia lain.

Hampir kesemua masyarakat Semai berfahaman Animisme. Mereka membuat tanggapan bahawa “setiap objek disekitar mereka mempunyai semangat tertentu atau kuasa luar biasa yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka”. Segala perkara yang berlaku disekitar mereka dikatakan dipengaruhi oleh objek2 tertentu yg mempunyai kuasa luar biasa. Mereka amat menekankan hubungan yang mesra dengan alam semesta. Kehidupan yang dapat berharmoni antara alam semesta dengan manusia adalah kunci kesejahteraan dan kebahagiaan. Orang Semai mempercayai manusia terbentuk daripada empat unsur iaitu jasad, semangat, roh dan malaikat. Kehidupan manusia dikawal oleh makhluk “superhuman” yang dipercayai wujud di sekeliling mereka. Secara keseluruhannya makhluk “superhuman” terbahagi kepada tiga iaitu *Nyenaang, Maklikat dan Nyaniik*.

*Nyenang* merupakan kuasa yang menyerupai tuhan. *Maklikat*pula berperanan sebagai orang suruhan“ *Nyenaang*”. *Nyenaang* dan *Maklikat* kurang mempengaruhi kehidupan sehari-hari masyarakat Semai. Sebaliknya, *Nyaniik* merupakan kuasa yang dominan dalam sistem kepercayaan Semai; *Nyaniik* sentiasa mempengaruhi kehidupan manusia. *Nyaniik* baik dipercayai bersikap baik dan bersimpati terhadap manusia. Namun begitu, *Nyaniik* ini akan

tetap mengancam keselamatan manusia sekiranya manusia melakukan perbuatan biadap terhadap mereka. Segala kemarahan, teguran,sapaan dan pertanyaan *Nyaniik* akan bertukar menjadi bencana (samaada bencana alam atau bencana penyakit) kepada manusia.

“*Hala*” merupakan orang yang berkewibawaan mengendalikan upacara yang berkaitan dengan agama dan perubatan seperti ngenggulang, membuka ladang baru, memohon kepada keramat, mengubat penyakit dan sebagainya. Adat dan kepercayaan orang Semai yang berkait rapat dengan makhluk semulajadi. Kehidupan sosial dalam konteks ini merangkumi aspek-aspek seperti nilai, sikap dan personaliti, komunikasi sosial, adat resam dan sebagainya. Secara keseluruhannya, pembentukan kehidupan sosial ini adalah manifestasi daripada kawalan sosial dan *supernatural* yang berorientasikan kedua-dua sistem ini.

Secara umumnya, hubungan diantara orang-orang Semai dengan *Nyaniik* adalah berbentuk pertentangan tabii. Dalam hubungan ini, *Nyaniik* (makhluk *superhuman*) berada di pihak yang paling berkuasa, sama ada berkuasa untuk memberi bantuan serta perlindungan kepada manusia, mahupun sebaliknya, berkuasa untuk memusnahkan kehidupan manusia yang dicetuskan melalui bencana alam atau bencana penyakit. Manakala manusia pula berada di pihak yang lemah. Kelemahan manusia ini ditonjolkan dengan jelas melalui pengakuan yang dibuat oleh Biduan yang diwakili oleh *Hala*” (bomoh/dukun) sewaktu mereka berhubung dengan makhluk-makhluk tersebut dalam upacara tersebut. Dalam pengakuan itu, *hala*” dan biduan akan mengatakan diri mereka (manusia) sebagai makhluk yang lemah, pekak, bisu, buta, bodoh, bingung dan seumpamanya. Seterusnya *hala*” dan biduan akan meminta bantuan serta perlindungan daripada makhluk-makhluk *superhuman* yang dianggap berkuasa, kuat, celik, pandai, sejuk, tidak bisu, tidak pekak dan segala puji-pujian yang mengakui kekuasaan makhluk-makhluk tersebut. Bentuk hubungan yang sedemikian rupa telah meletakkan masyarakat ini dalam keadaan yang tegang, iaitu sentiasa diselubungi ketakutan serta kebimbangan. Ketegangan ini akhirnya menyebabkan masyarakat ini bersikap inferior terhadap makhluk-makhluk tersebut. Orang-orang Semai sentiasa mengawal perlakuan serta bahasa pertuturan mereka agar tidak menimbulkan kemarahan makhluk-makhluk *superhuman*, kerana kemarahan makhluk-makhluk ini akan merupakan bencana kepada manusia. Umpamanya, apabila berada di dalam hutan, mereka akan sentiasa meminta maaf atau meminta kebenaran sebelum melakukan sesuatu perkara yang dianggap biadap oleh *Nyaniik* seperti membuang air kecil ataupun air besar. Mereka berbuat demikian kerana mempercayai setiap kawasan di bumi ini terutamanya kawasan-kawasan yang belum diterokai mempunyai penunggu. Selain itu, mereka juga akan mengawal bahasa percakapan, khususnya mengelakkan daripada menggunakan bahasa-bahasa yang biadap seperti memaki-hamun,

menggunakan perkataan-perkataan lucu dan seumpamanya. Disini jelaslah kepada kita bahawa masyarakat Asli sebenarnya mempunyai satu adat dan budaya yang amat unik terutamanya bagi orang-orang Semai. Keunikannya telah menjadikan masyarakat ini lebih stabil dari sudut sosial, ekonomi dan politiknya. Tidak ada unsur-unsur hasad-dengki, khianat, sabotaj, kedekut, dendam dan sebagainya. Mereka menjaga hubungan baik dengan ketiga-tiga unsur di dunia ini iaitu makhluk *supernatural*, manusia dan alam sekitar.

Konsep *World View* atau pandang dunia masyarakat Semai termasuklah didalamnya segala adat dan budaya serta pantang larang inilah, yang telah mengawal masyarakat ini daripada kecil hingga besar dan akhirnya mati. Walau pun segala peraturan ini tidak dibuku atau dikanunkan tetapi mereka sama sekali tidak akan melanggarnya kerana kefahaman yang tinggi terhadap kesan dan akibatnya. Oleh itu sama-sama kita melihat dan memahami bahawa orang-orang asli terutamanya masyarakat Semai memang mempunyai satu budaya dan adat yang tinggi dimana ianya telah berjaya mengawal masyarakat ini dengan baik sekali. Melalui konsep *World View* ini, mereka berjaya memupuk nilai-nilai murni yang boleh memandu dan memimpin mereka agar selamat dan sejahtera di dunia. Masyarakat ini telah mempraktikkan satu hubungan yang sangat murni dengan tiga unsur utama di dunia ini, iaitu manusia, alam dan kuasa *supernatural*. Tingginya nilai budaya dan etika masyarakat semai telah menjadikan mereka dapat bertahan dan berjuang di dalam kepesatan arus pembangunan dan globalisasi kini. Justeru, kertas kerja ini memfokuskan bagaimana tarian sewang dan menilai fungsi tarian sewang kepada masyarakat orang asli. Kedua, menilai dari aspek nilai-nilai di sebalik tarian sewang iaitu pengubatan atau perbomohan).

Tarian sewang ialah satu bentuk persembahan tarian tradisional masyarakat orang asli yang masih kekal diamalkan hingga sekarang. Tarian sewang dalam suku kaum orang Asli dipersembahkan untuk berbagai-bagi fungsi seperti hiburan, buka cinta, perkahwinan, memuja semangat padi dan juga perubatan. Tarian ini menjadi wadah hiburan utama di kalangan masyarakat orang asli kaum Semai. Kajian terhadap lagulagu tarian sewang ini merupakan sebuah kajian kualitatif. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat nilai-nilai sakral yang terdapat di dalam lagu-lagu yang dinyanyikan semasa upacara sewang berlangsung. Pengkaji hanya mengkaji lagu-lagu tarian sewang berbentuk kegembiraan atau hiburan.

Tarian sewang ialah satu bentuk persembahan tarian tradisional masyarakat orang Asli yang masih kekal diamalkan dan dipertahankan hingga sekarang. Tarian sewang dipersembahkan untuk berbagai-bagi fungsi seperti hiburan, buka cinta, perkahwinan, memuja semangat padi dan juga perubatan. Tarian ini biasanya diketuai oleh Tok Halak dan lima hingga sepuluh orang penari yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Selain itu,

terdapat enam orang pemuzik iaitu lima orang pemukul centung (buluh yang berukuran berbeza) dan seorang pemukul gong. Sambil bersahut-sahutan beramai-ramai, penari perempuan mengetuk buluh centung ke atas buluh panjang atau kayu keras yang padat bagi mengeluarkan bunyi nyaring.

Tarian ini biasanya dilakukan dalam empat formasi yang berbeza bergantung kepada fungsi tarian tersebut. Antaranya tarian secara berbaris iaitu penari-penari berada dalam satu barisan sambil menari. Bentuk seterusnya ialah bulatan iaitu penari berada dalam bulatan sambil berjalan berpusing mengikut arah jam atau lawan jam. Selain itu tarian ini juga dilakukan secara berpasangan antara lelaki dan perempuan yang kadang kalanya berpegangan tangan. Manakala formasi keempat ialah tarian secara beramai-ramai. Tarian sewang untuk tujuan kegembiraan kebiasaannya diadakan setelah upacara menuaipadi, menyambut kepulangan anak yang bekerja di perantauan, menyambut kedatangan tahun baru, perkahwinan atau apa sahaja yang difikirkan dapat memberi kegembiraan di dalam kampung. Manakala sewang untuk perubatan dijalankan pada waktu malam selama enam hari berturut-turut. Semasa sewang perubatan dijalankan, orang luar tidak dibenarkan naik ke rumah tempat tarian diadakan sehingga tarian selesai.

Seni kata lagu dalam tarian sewang diadun daripada pelbagai variasi. Keunikannya telah menarik minat para pengkaji seni, budaya dan bahasa untuk mengkajinya. Lantaran itu, fokus kertas kerja ini ialah untuk melihat nilai-nilai sakral dalam lagu-lagu tarian sewang yang dipersembahkan oleh masyarakat orang Asli kaum Semai. Kertas kerja ini akan meneliti lagu-lagu dalam tarian sewang untuk kegembiraan yang dipersembahkan oleh masyarakat orang Asli kaum Semai di Kampung Kuala Betis, Gua Musang. Bermula dari 8 hb. Mac 2017 hingga 13 hb Mac 2017, suatu tinjauan awal telah dibuat di Hulu Kelantan yang merangkumi kawasan di sekitar Gua Musang, Kg. Kuala Betis, Kg. Chas, dan Kg Gerak. Berdasarkan kepada kaji soal selidik kepada seorang responden, maklumat-maklumat tentang upacara sewang iperolehi. Jadual di bawah adalah ringkasan terhadap maklumat maklumat tersebut. Hasil temu bual yang dilakukan didapati ada beberapa lagu yang dinyanyikan dalam upacara tersebut.

Misalnya lagu Kok Gagek (Mari Cepat). Lagu ini menceritakan tentang nasihat yang perlu dipatuhi oleh dua orang yang diarahkan oleh bomoh untuk pergi ke bukit mencari bunga, dan bomoh tersebut mendapat petunjuk supaya mereka mendapatkan bunga dengan restu Tuhan. Seribu Ampun Menceritakan petua meminta izin pada penunggu sesuatu tempat, sebelum memasuki tempat itu. Selain itu lagu ini juga menceritakan keindahan alam ciptaan Tuhan. Manakala, lagu-lagu Panas Siang Lagu ini mengisahkan kesempitan hidup sebuah

rumah tangga. Si isteri sering berleteran siang dan malam terhadap suaminya. Suaminya asyik berfikir bagaimana caranya untuk mengatasi masalah tersebut yang akhirnya telah berpaktat dengan orang tuanya bagi mengatasi masalah itu.

Joget Lagu tersebut menasihatkan anak muda supaya jangan malu atau segan untuk sama-sama menari joget sampai ke pagi. Lagu Amek Tolong Jar (Emak Tolong Kami) pula menceritakan perihal seorang anak yang mempunyai pendirian dan tidak suka mengharap bantuan orang lain. Ianya berasa bebas melaksanakan kerja harian di tempat sendiri. Manakala lagu Bunga Alam Ye (Puteri Gunung) mengisahkan kecantikan Puteri Gunung. Sesiapa sahaja setiap lelaki yang terpandang wajah puteri tersebut pasti terpikat. 4.2.16 Lagu Puteri Raja (Puteri Raja). Lagu tersebut memuji kecantikan seorang puteri yang mempunyai rambut panjang mengurai. Sebenarnya terdapat banyak lagu-lagu yang dinyanyikan untuk tujuan hiburan.

Selain dari hiburan, sewang juga mempunyai nilai yang amat tinggi dalam aspek pengubatan atau perbomohan. Misalnya, dalam kes kehilangan tujuh murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pos Tohoi hilang sejak lebih tiga minggu lalu mampu menarik nafas lega setelah dimaklumkan bahawa kesemua mangsa dipercayai masih hidup. Makluman berkenaan diberikan oleh bomoh Orang Asli yang juga anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Kem Bidor, Perak, setelah mengetuai upacara sewang pada malam kedua di Kampung Pos Tohoi, Gua Musang malam kelmarin. Keyakinan keluarga mangsa adalah berdasarkan bomoh berusia lingkungan 50-an itu dianggap bukan calang-calang bomoh dan telah banyak berjasa kepada masyarakat Orang Asli. Upacara sewang yang turut membabitkan seramai 45 anggota PGA dari Kem Bidor diteruskan untuk malam ketiga, semalam, bagi mendapatkan petunjuk baharu dalam usaha mencari ketujuh-tujuh murid berkenaan. Seminggu kebelakangan ini, keluarga mangsa gelisah kerana terkenang anak masing-masing yang tidak diketahui sama ada hilang di kawasan hutan atau di tempat lain. Sungguhpun diramal masih hidup, keadaan sebenar ketujuh murid berkenaan belum diketahui dan keluarga masing-masing terus berharap pasukan mencari dapat menemui mereka. Mungkin lebih jelas pada malam ketiga

Pengerusi Belia Jaringan Kampung Orang Asli Kelantan (JKOAK), Dendi Johari berkata, upacara sewang malam ketiga mungkin memberi petunjuk lebih jelas berikut telah ada sedikit petunjuk pada malam kedua upacara itu dilaksanakan. "Kita telah habis usaha untuk kesan tujuh murid itu dan mungkin petunjuk lebih jelas apabila bomoh membangkitkan semangat pada sewang malam terakhir, kerana ketika itu banyak pemujaan akan dilakukan. "Ramalan anak mereka masih hidup sekurang-kurangnya memberi semangat baharu kepada

keluarga," katanya. Selain ramalan upacara sewang, pemandu pelancong berpengalaman luas meneroka gua dan hutan di Gua Musang turut mempercayai tujuh murid Orang Asli terbabit masih hidup. Sebilangan pemandu pelancong percaya, walaupun sudah lebih 20 hari murid-murid berkenaan hilang, namun mereka dipercayai dapat berdikari dan meneruskan hidup kerana kebiasaan tinggal di kawasan hutan bersama keluarga.

Salah seorang pemandu pelancong, Mohd Tahir Mat Saman, 55, yang berpengalaman lebih 30 tahun beranggapan kebanyakan masyarakat Orang Asli telah diajarkan ilmu hutan sejak kecil. "Mereka arif mengenai kawasan hutan dan boleh dianggap pelik jika Orang Asli sesat dalam hutan. Kawasan hutan ini merupakan tempat mereka. "Saya rasa masyarakat Orang Asli pasti telah melatih anak-anak mereka untuk tinggal dalam kawasan hutan sejak kecil lagi," katanya. Dalam pada itu Mohd Tahir tetap berharap agar misteri kehilangan jurutera Petronas di Pulau Kendong, dekat Pos Pulat, di sini, pada 2004 dan terus menjadi misteri sehingga kini tidak berulang. Sementara itu, Sabri Zul, 34, menganggap kehilangan serentak tujuh murid Orang Asli berkenaan pada hari sama sebagai kejadian pelik dan penuh misteri berikutan mereka gagal dikesan sehingga kini. Berpengalaman selama 16 tahun sebagai pemandu pelancong di Taman Negara Sungai Relau, Pahang, Sabri pernah terlibat dalam operasi mencari seorang penuntut universiti tempatan yang hilang selama 19 hari di Gunung Tahan pada 2008. "Pelajar berkenaan, Nur Umaisarah Sameaun merupakan seorang gadis Melayu yang tiada kepakanan ilmu hutan...tetapi dia dapat bertahan selama hampir 20 hari sebelum ditemui pendaki dan anggota penyelamat. "Kerana itu saya percaya, tujuh murid Orang Asli tersebut masih hidup kerana mereka sudah biasa dengan persekitaran hutan. Ikut pengalaman lepas, orang yang terperangkap selama 20 tahun dalam hutan pun berjaya ditemui walaupun dalam keadaan tidak berimaya, lapar dan fizikal kurus kering," katanya. Pada 23 Ogos lalu, tujuh murid Orang Asli, iaitu, Mirsudiar Alui, 11, Noreen Yaacob, 10, Ika Ayel, 9, Sasa Sobrie, 8, Haikal Yaacob, 8, Linda Rosli, 8 dan Juvina David, 7, melarikan diri dari asrama SK Pos Tohoi kerana takut dikenakan tindakan atas kesalahan mandi di sungai tanpa kebenaran.

Razali berkata, paling menguji kesabaran ialah apabila ada sesetengah orang asli yang terlalu pemalu dan sukar menerima kedatangan orang luar. "Masyarakat orang asli sangat pemalu, terutama suku kaum Bateq yang tinggal di Gua Musang, Kelantan. Pernah sekali, apabila kami mengetuk pintu rumah, mereka sekeluarga lari mengikut pintu belakang," katanya. Sebab itu, kata Razali, sebelum program Masuk Kampung diadakan, Comrade memaklumkannya terlebih dulu kepada ketua Orang Asli terbabit atau lebih dikenali sebagai

Tok Batin. Ia penting untuk mengelak dihalau jika menerjah masuk ke kampung mereka sewenangwenangnya.

Ahli Comrade, Mohd Adil Mufti Mohamad Samsudin, 23, berkata secara peribadi dia ingin melihat masyarakat Orang Asli hidup dalam kemajuan, namun baginya ada budaya dan adat resam Orang Asli yang perlu dikekalkan. "Banyak pengalaman menarik yang saya dapat setiap kali berkunjung ke kampung Orang Asli, antaranya cara meniup sumpit dan menari tarian Sewang," katanya. Bercerita lanjut mengenai adat masyarakat Orang Asli, Mohd Adil berkata, adakalanya mereka masih mengamalkan pantang larang pelik, contohnya tidak boleh mengunjungi rumah jiran yang ahli keluarganya baru meninggal dunia. "Jika ada adat dan pantang larang yang bercanggah dengan Islam, kami akan mendidik mereka dengan cara paling lembut dan berhemah," katanya. Ahli Comrade yang berasal dari Bangladesh, Muhammad Ashraf Ali ,24, berkata ketika pertama kali mengunjungi perkampungan Orang Asli, dia sangat terkejut kerana tidak menyangka masih ada masyarakat sebegitu di Malaysia.

## KESIMPULAN

Banyak pengalaman menarik yang penulis dapat setiap kali berkunjung ke kampung Orang Asli, antaranya cara meniup sumpit dan menari tarian Sewang. Adakalanya mereka masih mengamalkan pantang larang pelik, contohnya tidak boleh mengunjungi rumah jiran yang ahli keluarganya baru meninggal dunia. Di sini jelaskan kepada kita bahawa masyarakat Asli sebenarnya mempunyai satu adat dan budaya yang amat unik terutamanya bagi orang-orang Semai. Keunikannya telah menjadikan masyarakat ini lebih stabil dari sudut sosial, ekonomi dan politiknya. Tidak ada unsur-unsur hasad-dengki, khianat, sabotaj, kedekut, dendam dan sebagainya. Mereka menjaga hubungan baik dengan ketiga-tiga unsur di dunia ini iaitu makhluk *supernatural*, manusia dan alam sekitar.

## BIBLIOGRAFI

- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2000. Nong Pai (Haluan Baru). Bahagian Penyelidikan dan Penerangan, JHEOA.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2001. Nong Pai (Haluan Baru). Bahagian Penyelidikan dan Penerangan, JHEOA.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2002. Orang Asli Berjaya. Bahagian Penyelidikan dan Penerangan, JHEOA.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2003. Orang Asli Berjaya Edisi II. Bahagian Penyelidikan dan Penerangan, JHEOA.
- Jamaludin Idris. 22/04/2000. *ASLI Pamer Budaya Orang Asli*. Berita Harian.
- Jensen, E. 1974. *The Iban and Their Religion*. Oxford: Clarendon Press.
- Juli Edo (Tesis Sarjana Falsafah). 1988. *Agama dan Perubatan Masyarakat Semai*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juli Edo. 1990. *Tradisi Lisan Masyarakat Semai*. Monograf No.16. Fakulti Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kirk Endicott, M. Barry Hooker and Alberto Gomes. 1997 *Malaysia and the "Original People":A Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*. Boston: Allyn and Bacon/Cultural Survival.
- Kroes, Gerco. 2002. Same Hair Different Hearts; Semai Identity in a Malay Context: An Analysis of Ideas and.... : Printed in Netherlands.
- Leslie Sponsel. 1999. *The Semai of Malaysia*. In *Endangered Peoples of East and Southeast Asia*,. Westport, CT: Greenwood Publishing Group.
- Margaret Read MacDonald. 1999. *Enduring Scars: Cautionary Tales among the Semai. Traditional Storytelling Today*: An International Sourcebook. London and Chicago: Fitzroy-Dearborn (Garland)
- Nor Sedek Ismail. 22/04/2000. *Budaya Orang Asli Unik*. Utusan Malaysia.
- Norzilawati Abd. Halim. 15/08/200. *Wanita Orang Asli Mahir Seni Krafti*. Berita Harian.
- Sabihah Osman. 1985. *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881 -1941*. UKM-Yayasan Sabah.
- Williams, T.R. 1965. *The Dusun: A north Borneo Society*. New York: Holt, Rinehart and Winston.